



JABATAN CETAK KERAJAAN
Km. 4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci No. 2004
88554 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

E-Mail: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel: 088-538767 Faks: 088-217034



Tolong salinkan bil. kami dalam jawapan surat ini. *(Please quote this reference in any reply to this letter)*

Ruj. Tuan:
(Your Ref.)

Ruj. Kami: JCK: 100-27/43 / (14)
(Our Ref.) 07 Ogos 2008

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Badan Berkanun Negeri;
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil; dan
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

Pekeliling E-Pesanan dan E-Bayaran Jabatan Cetak Kerajaan

Dengan hormatnya, saya merujuk pekeliing daripada Setiausaha Kerajaan Negeri bil. JKM: 100-4/24 bertarikh 19.01.2007 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa penggunaan Sistem E – Pesanan dan E-Bayaran Jabatan Cetak Kerajaan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan adalah tidak menggalakkan kerana masih banyak permohonan pesanan dibuat melalui surat. Pesanan melalui surat akan mengakibatkan kelewatan pembekalan kerana kakitangan Stor perlu memesan semula melalui sistem E-Pesanan bagi Kementerian/Jabatan Agensi Kerajaan tersebut. Pesanan semula dibuat untuk pengemaskinian stok dalam sistem E-Pesanan berkenaan.

3. Sehubungan dengan ini, semua Kementerian/Jabatan /Agensi Kerajaan digalakkan menggunakan sistem E-Pesanan berkenaan kerana latihan penggunaannya telahpun diadakan.

4. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH,CEKAP DAN AMANAH"

Saya yang menurut perintah,


(MOHD.ARSHAD H. ABD.RAZAK)
Pencetak Kerajaan Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
88817 KOTA KINABALU.

" Timbalan Pencetak Kerajaan Sabah
(Pengerusi Jawatankuasa ICT/CIO Jabatan Cetak Kerajaan)